



Terma dan Syarat [PROMOSI] Pinjaman Peribadi AEON Credit

- Program **Tawaran** “Promosi Pinjaman Peribadi AEON Credit” CompareHero.my dianjurkan oleh Compargo Malaysia Sdn Bhd (1050769-U).
- **Tempoh Tawaran** adalah dari 1 April 2018 hingga 31 Disember 2018.
- **Tawaran** terbuka khusus untuk pemohon baru (“New-to-Bank”: pemohon yang TIDAK memiliki pinjaman dari bank/institusi kewangan yang disenaraikan) yang memohon pinjaman peribadi dari bank/institusi kewangan yang disenaraikan melalui CompareHero.my.
- **Tawaran** terhad kepada pemohon baru yang tinggal di Semenanjung Malaysia sahaja.
- **Hadiah Tawaran** ini adalah 1 (satu) unit PINENG Powerbank, model PN-969.
- **Hadiah Tawaran** hanya boleh dituntut oleh **Pemohon yang Layak** selepas menerima dana dari pinjaman peribadi AEON Credit yang di luluskan.
- **Pemohon yang Layak** ditentukan berdasarkan (1) pinjaman peribadi telah diluluskan dan dana diterima & (2) urutan permohonan yang telah dihantar melalui laman web CompareHero.my.
- **Pemohon yang Layak** hanya berhak menuntut 1 (satu) **Hadiah Tawaran** sahaja, walaupun lebih dari 1 (satu) permohonan produk/servis telah diluluskan dari bank/institusi kewangan yang sama.
- **Hadiah Tawaran** akan dihantar dalam tempoh 4-6 minggu selepas dana dari pinjaman peribadi yang diluluskan (bergantung kepada laporan rasmi bank/institusi kewangan, stok hadiah, dan jadual penghantaran).
- Pilihan warna **Hadiah Tawaran** adalah tertakluk kepada CompareHero.my dan bergantung kepada stok.
- **Hadiah Tawaran** akan diberikan kepada semua **Pemohon yang Layak** yang telah memohon pinjaman peribadi AEON Credit melalui CompareHero.my sepanjang **Tempoh Tawaran** dan memenuhi syarat kelulusan pinjaman AEON Credit.
- CompareHero.my berhak untuk menggantikan **Hadiah Tawaran** dengan barang dengan nilai yang sama atau lebih sekiranya kehabisan stok.
- CompareHero.my berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa pengumuman awal.